PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU

KAWASAN : SARIKEI

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 41

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa ahli politik tidak akan menyalahgunakan isu-isu perkauman dan keagamaan untuk kepentingan politik sehingga mengorbankan keharmonian kaum dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran jika rakyatnya bersatu padu dan sanggup melalui kesukaran bersama. Malah, kepelbagaian rakyat Malaysia adalah kekuatan kita. Ia tidak sepatutnya menjadi punca konflik, tetapi perlu menjadi resipi untuk mencapai kejayaan dalam pembangunan dan kemajuan sosioekonomi.

Melihat kepada keadaan semasa di mana polarisasi kaum terus menjadi isu yang serius diperdebatkan, kita tidak sepatutnya membenarkan ahli politik berkempen secara tidak bertanggungjawab untuk memecah-belahkan rakyat. Kita juga tidak boleh membenarkan hubungan harmoni di antara pelbagai kaum diancam oleh polarisasi perkauman dan politik berlebihan kerana ia boleh membawa kepada pergeseran antara pelbagai kaum di negara ini.

Kerajaan baharu yang dibentuk di bawah kepimpinan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian terus terpelihara melalui langkah-langkah berikut:

a) mengingatkan pemimpin parti politik supaya menjaga sensitiviti kaum dan agama dan tidak membuat teguran secara terbuka. Setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak sepatutnya menyakitkan hati mana-mana kumpulan kaum dan penganut agama.

b) Menyampaikan mesej kepada pemimpin-pemimpin parti-parti politik supaya mengingatkan dan memberikan kesedaran kepada ahli-ahli parti agar sentiasa mengukuhkan perpaduan, terutama dalam persekitaran domestik dan luaran yang amat mencabar pada masa ini.

c) menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan dan tidak melampaui batasan dengan menggunakan bahasa yang kesat ketika menyentuh isu kaum

dan agama. Walaupun wujud ideologi politik dan pandangan yang berbeza, masing-masing perlu kekal menghormati dan menghargai satu sama lain seperti kebiasaan dan meneutralkan politik kebencian.

d) mendakwa di mahkamah mana-mana ahli politik yang sengaja menimbulkan sensitiviti kaum dan agama sehingga menimbulkan kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Walaupun terdapat ideologi politik dan pandangan yang berbeza, kita perlu kekal menghormati dan menghargai antara satu sama lain seperti kebiasaan. Memetik kata-kata seorang aktivis masyarakat yang disegani, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, “apa yang paling diperlukan oleh Malaysia untuk meneutralkan politik kebencian pada masa ini ialah pembina jambatan etnik (*bridge builder*) dan bukannya wira etnik (*ethnic hero*)” adalah amat bertepatan sekali untuk kita sama-sama menghayati dan memahami maksud di sebalik kata-kata tersebut.

Sekian, terima kasih.